

# Siapakah Allah Kepada Kita ?



**WAWASAN  
PENABUR**

## Siapakah Allah Kepada Kita? Gambaran Pincang Kita Tentang Allah

Tajuk	: Siapakah Allah Kepada Kita?
Penulis	: Dr Lee Bee Teik Friends of the Bridegroom ©1999
Penterjemah	: Steffisley Mosingki
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd


Dr Lee Bee Teik (MBBS, Monash University) adalah seorang doktor perubatan terlatih sebelum mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjayanya untuk menjadi seorang suri rumah penuh masa. Beliau adalah isteri kepada Rev Dr Hwa Yung, Bishop Emeritus Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan beliau telah menulis banyak buku tentang doa serta isu-isu yang dihadapi oleh manusia. Beliau mengasaskan Reconre Ministries, sebuah pelayanan yang melayani hamba-hamba Tuhan penuh masa melalui pelayanan kaunseling dan retreat.

Hakcipta © 2013 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

## Siapakah Allah Kepada Kita?

Gambaran Pincang Kita Tentang Allah



*“Allah menghukum manusia, kerana apa yang dapat diketahui orang tentang Allah sudah jelas, oleh sebab Allah sendiri sudah menyatakannya. Sejak Allah menciptakan dunia, sifat-sifat Allah yang tidak kelihatan, baik kuasa-Nya yang kekal mahupun keadaan-Nya sebagai Allah, dapat difahami oleh manusia melalui segala yang sudah diciptakan-Nya. Oleh itu manusia sama sekali tidak mempunyai dalih untuk membela diri.”*  
(Roma 1:19-20)

**I**tulah yang diisytiharkan oleh Rasul Paulus tentang Allah. A.W. Tozer menulis:

“Seluruh alam hidup dengan kehidupan Allah. Dia bukanlah Allah yang asing, tetapi adalah Bapa kepada Tuhan Yesus Kristus, di mana kasih-Nya telah dinyatakan selama beribu-ribu tahun kepada bangsa manusia yang berdosa.

Allah sentiasa mencuba untuk mendapatkan perhatian kita, untuk menunjukkan diri-Nya kepada kita, untuk berkomunikasi dengan kita!

Kita mempunyai kemampuan untuk kian mengenali Dia sewaktu penerimaan kita menjadi lebih sempurna dengan iman, kasih dan latihan...

Syurga dan bumi bertujuan untuk menjadi langsir separa lut sinar di mana dengan kebijaksanaan moral kita boleh melihat kemuliaan Allah, tetapi bagi mereka yang dibutakan oleh dosa, langsir ini menjadi legap. Mereka telah melihat ciptaan tetapi tidak melihat Sang Pencipta; imbasan yang mereka ada semuanya malap dan kabur.”<sup>1</sup>

## Definisi Dan Penjelasan

Jika pernyataan “setiap hidup orang mempunyai satu ruang kosong yang hanya boleh dipenuhi oleh Allah” adalah benar, maka adalah amat penting bagi kita untuk mengenali siapakah Allah ini. Os Guinness menulis di dalam bukunya *God in the Dark*,<sup>2</sup> bahawa ramai orang (orang Kristian juga tidak terkecuali) mempunyai pandangan tentang Allah yang kabur. Allah selalunya dilihat sebagai satu konsep tuhan yang salah ataupun satu tuhan yang terlalu kecil.

Kita berpegang kepada pandangan “*konsep tuhan yang salah*” sebelum kita menjadi Kristian. Pandangan tersebut berakar di dalam dunia yang tidak mengakui kewujudan ataupun kepentingan Allah Pencipta. Ia berdasarkan pranggapan yang tidak Alkitabiah.

Manakala pandangan “*tuhan yang terlalu kecil*” terhasil daripada ajaran salah mengenai sifat-sifat Tuhan.

Pengajaran dan gambaran ini diberikan oleh insan yang tidak sempurna kepada pendengar yang juga tidak sempurna. Sebagai contoh, seorang pastor kenalan saya berkata dia lebih rela menjadi ateis daripada memegang teologi liberal. Sebagai seorang ateis, dia boleh menikmati dunia. Manakala sebagai seorang pengikut ajaran teologi liberal, dia tidak mampu menikmati dunia mahupun Allah. Kepercayaan seperti ini adalah gabungan bagi pandangan Allah berdasarkan Alkitab (*Mendahulukan Allah*) dan sekular (*Mendahului Diri*).

Kita menjalankan kehidupan berdasarkan kepercayaan kita mengenai Allah walaupun kebanyakan masalah kita timbul kerana kita tidak membenarkan Allah untuk menjadi Allah. Bahkan kalau boleh, kita mahu mengambil alih kedudukan-Nya sebagai Tuhan.

### Kepercayaan Orang Asia

Jika seorang insan mempercayai satu tuhan yang menentukan takdir tanpa belas kasihan, maka apabila dia terjatuh di dalam masalah yang serius, dia akan memberitahu dirinya bahawa dia tidak mampu berbuat apa-apa. Sama ada dia menahan diri dan bertahan sehingga semuanya berakhir tanpa berusaha untuk mengubah diri, ataupun mengakhiri nyawanya kerana kegembiraan, tujuan dan maksud hidup seakan-akan sudah tiada.

Jika dia mempercayai penjelmaan semula (reinkarnasi), dia mungkin berharap agar hidup yang akan datang menjadi lebih baik. Oleh itu, dia mempunyai kecenderungan untuk melihat semua usahanya sebagai

## 4 Siri Kaunseling Pastoral

jalan untuk mendapatkan keselamatan dan jatuh di dalam perangkap injil usaha baik. Dia berusaha keras ke arah kesempurnaan untuk menyenangkan Allah supaya dapat diselamatkan daripada dilema dunia. Akan tetapi, siapakah yang mampu menjadi sempurna dengan usaha sendiri? Kesannya, perlumbaan untuk mencapai kesempurnaan yang berlebihan pun bermula (Rujuk buku dalam Siri Kaunseling Pastoral yang bertajuk *Masalah Keingin-Sempurnaan*).

### Kepercayaan Sekular Barat

Sekiranya seseorang itu mempercayai bahawa Tuhan yang berkuasa ke atas dunia tidak wujud ataupun tidak boleh diketahui, dan orang tersebut hidup hanya sekali dan akan hilang daripada kewujudan selepas kematian, maka adalah lebih baik bagi dia untuk makan, minum dan bergembira kerana hari ini mungkin hari terakhir baginya. Lagipun, dia tidak bertanggungjawab kepada sesiapa pun selepas kematian kerana Tuhan tidak wujud.

### Iman Alkitabiah

Akan tetapi, mereka yang beriman kepada Allah yang hidup dan peribadi seperti yang Yesus Kristus tunjukkan akan berkata,

*Hatiku tidak tenteram, ya Tuhan,  
Melainkan ia tinggal di dalam Engkau...  
Sebab aku dicipta hanya untuk Engkau.*

*~ Santo Augustine dari Hippo*

Akan tetapi, pengalaman harian kebanyakan orang Kristian lebih dekat kepada hidup yang tidak tenteram, dipenuhi dengan rasa tidak puas hati, ketakutan, ketidakwarasan dan kerengsaan (cepat rasa marah).

Jika Allah benar-benar maha tahu, maha penyayang, maha kuasa dan mengetahui segala keperluan kita serta ingin untuk membawa perubahan kepada hidup kita kepada kebaikan, **MENGAPAKAH** Dia tidak melakukannya? Saya pernah mempunyai seorang Kristian yang datang untuk mendapatkan kaunseling yang berulang kali menanyakan soalan ini. Soalan seterusnya yang sering ditanya adalah, *“Tuhan, BILAKAH beban ini akan Kau angkat dari bahu? KENAPA hidup berkelimpahan belum tiba?”*

Apabila konflik terjadi di dalam hidup kita, adakah ia disebabkan kerana Allah tidak setia kepada Firman-Nya? Sejak Dia menunjukkan diri-Nya kepada kita di dalam sejarah melalui Anak Manusia Yesus Kristus, mengapakah selepas lebih dari 2000 tahun kemudian, kita masih tidak mengalami Dia dengan cukup untuk mempercayai Dia?

Jika Allah adalah baik dan penuh dengan kasih kurnia seperti yang diwartakan oleh para pengkhotbah, maka satu-satunya postur yang patut kita lakukan adalah berlutut di hadapan-Nya. Dengan berlutut di hadapan Allah yang kudus, kita membawa fikiran mengenai Allah mendekati perasaan kita terhadap-Nya. Amalan tradisi bangsa Cina untuk berlutut di hadapan orang yang lebih tua sebagai sebuah simbol memberikan penghormatan dan juga untuk meminta pengampunan, nampaknya lebih

sejajar dengan ekspresi keikhlasan bagi kelakuan di dalam perhubungan daripada psikologi popular. Tradisi Cina memandang kelakuan sedemikian sebagai tanda bagi perwatakan yang baik, sedangkan psikologi sekular menganggapnya sebagai satu tanda penghinaan.

## Hubungan Di Antara Teologi Dan "Pengetahuan Berlutut"

*Teologi (fikiran kita mengenai Allah) mungkin tidak bertindan dengan 'pengetahuan berlutut' (kneeology) (perasaan kita terhadap Allah). Adalah dianggarkan bahawa 75 peratus daripada masalah psikologi Kristian datang daripada konflik di antara teologi dan 'pengetahuan lutut' mengenai Allah.*

~ D.A. Seamands

**P**engetahuan berlutut (atau *kneeology*) adalah satu konsep di mana Tuhan tidak dikenali dengan genealogi (ilmu jalur keturunan) tetapi dengan kita berlutut. Tuhan tidak ditemui dengan membaca buku-buku, tetapi dalam doa sambil bertelut untuk mencari wajah-Nya. Cara yang disediakan Allah untuk mengenal-Nya bukan dengan pengetahuan, tetapi dengan ucapan "demikianlah firman Tuhan". Itulah yang Dia mahu anda percaya, iaitu Firman-Nya yang hidup. Itulah penjelasan tentang *kneeology* oleh Brother Branham (1 Dis, 1953).

Saya percaya bahawa apabila kita mencuba untuk



berkomunikasi dengan Allah dengan berlutut, kita tidak mampu lagi menyembunyikan perasaan sebenar kita terhadap-Nya. Ini kerana apabila dua insan berkomunikasi, fikiran dan perasaan mereka akan mempengaruhi satu dengan yang lain. Mungkin pengaruh perasaan secara tidak langsung untuk terjadi adalah lebih tinggi daripada pengaruh fikiran mereka.

- Adakah ini bermaksud yang kita membentuk *halangan-halangan* yang menghalang kita daripada memiliki pandangan yang betul mengenai Allah?
- Dari manakah idea kita yang pertama mengenai Allah datang?
- Bagaimanakah Dia menghubungkan Diri dengan kita?

Malah bagi umat Kristian, pengetahuan ilmiah mengenai Allah tampak berbeza daripada perasaan kita terhadap Dia. Jika kita tidak boleh *merasakan* realiti bagi apa yang kita *tahu* mengenai Dia, bagaimanakah kita mampu meluahkan realiti-Nya kepada orang lain? Adakah kita meluahkan apa yang kita ketahui mengenai Dia secara mental tanpa pengalaman peribadi dengan Dia? Kita harus berkomunikasi dengan-Nya secara fikiran ke fikiran dan dari hati ke hati.

*Untuk mengenali Allah bukan hanya melihat Dia dengan fikiran semata-mata tetapi juga merasakan Dia dengan hati kita. Faktor penentu yang paling penting di dalam mengenal Allah adalah "perasaan" kita mengenai siapa Dia yang sebenarnya dan juga siapa Dia kepada kita... apa yang kita rasakan mengenai perasaan-Nya terhadap kita... sama seperti bagaimana baik, penuh kepercayaan dan prihatinnya kawan-kawan yang baik berhubung di antara satu dan yang lain.*

Jika kita tidak mempunyai pandangan dan pengalaman yang wajar tentang Allah, kita tidak akan mengetahui apa yang diinginkan-Nya daripada kita. (Oleh itu, adalah amat penting bagi seorang kaunselor pastoral untuk memiliki teologi praktikal yang baik). Jika kita tidak mengalami kebaikan dan belas kasihan-Nya sendiri, kita tidak akan mempunyai kemenangan rohani di dalam hidup kita kerana:

1. Kita mungkin terlalu takut untuk datang kepada Allah bagi mendapatkan pertolongan.
2. Kita mungkin tidak akan mempercayakan sepenuhnya hidup dan rahsia kita kepada-Nya.
3. Kita mungkin tidak mengetahui bagaimana untuk menyenangkan Dia. Oleh itu kita berusaha seumur hidup mencari jalan untuk menyenangkan-Nya (Efesus 5:8-10) iaitu untuk mengetahui serta melakukan kehendak-Nya bagi kita.

Kebanyakan daripada pengalaman orang Asia (termasuk orang Kristian) adalah untuk menunjukkan rasa hormat luaran kepada ibu bapa yang terlalu mengongkong tanpa ada rasa sayang terhadap mereka. Ramai yang tidak menyedari bahawa ini adalah sebuah dualisma patriotik; mereka terus mengamalkan perkara yang patut menurut budaya. Menunjukkan hormat sememangnya baik, tetapi ia akan menjadi lebih tulin jika ia turut mengendalikan rasa benci dan marah di dalam hati. Alkitab menggesa kita untuk mengasihi secara tulus dan tulin. Tambahan lagi, ramai yang menyalurkan fikiran dan perasaan negatif mereka terhadap orang-orang yang berkuasa di dalam hidup kepada Allah Bapa. Akhirnya, pandangan dan layanan yang pincang terhadap Allah ini akan

menghalang mereka daripada menikmati kasih-Nya yang abadi.

Sebagai kesannya, kita menjarakkan diri daripada Dia sehingga kita bersedia untuk menerima campur tangan daripada-Nya. Kita berkata kepada diri sendiri dan kepada Allah, *“Biarlah keperluan pekerjaan, keluarga dan rumah saya terjamin dahulu; kemudian barulah saya akan bertanya apa yang Engkau inginkan daripada saya – sebab saya tak pasti sama ada Engkau benar-benar akan menjaga saya atau tidak... sebenarnya, saya tak pasti jika Engkau mampu – dunia ini juga betul-betul sangat kacau sejak Engkau menciptanya!”*

A.W. Tozer mengatakannya seperti berikut:

*“Fahaman Allah wujud tetapi Dia sangat jauh dan tidak dapat dijangkau, dan itu tidak tertulis di dalam mana-mana pengakuan doktrinal gereja Kristian. Sesiapa yang berani mengakuinya akan dianggap sebagai bidaah malah akan dielakkan oleh orang-orang alim yang terhormat; tetapi tindakan dan kata-kata spontan kita mampu menunjukkan kepercayaan sebenar diri lebih baik daripada pengakuan doktrinal.”<sup>3</sup>*

*Manusia yang penuh dosa tidak selesa berada di dalam hadirat Allah. (Baca Kejadian 3:8-10)*

Dengan penuh belas kasihan, Allah tidak meninggalkan kita seorangan. Dia telah menunjukkan diri-Nya kepada kita melalui Anak-Nya, Yesus. Allah telah menyatakan beberapa perkara mengenai diri-Nya:

## 10 Siri Kaunseling Pastoral

1. Di dalam Mazmur 50:21, Allah berkata, “...*kamu berfikir Aku seperti kamu juga...*” Dia tidak seperti kita walaupun kita berfikiran sedemikian. Dia sebenarnya adalah Bapa yang prihatin terhadap kita walaupun kita tidak mempercayai Dia dengan sepenuhnya (Ulangan 1:29-33, 32:6-14; 1 Samuel 7:14-16).
2. Di dalam 2 Korintus 4:6, Paulus berkata, “*Allah yang berfirman, “Daripada kegelapan, cahaya akan bersinar.” Allah itu juga yang menyebabkan cahaya-Nya bersinar di dalam hati kami, sehingga kita dapat memahami kemuliaan Allah yang bersinar pada wajah Kristus.*” Kita melihat Allah di dalam Kristus, cahaya di dalam hati kita.
3. Di dalam Yohanes 14:9, Yesus menjawab Filipus, “*Sudah lama Aku bersama-sama kamu semua, dan kamu belum mengenal Aku juga, Filipus? Orang yang sudah melihat Aku, sudah melihat Bapa. Mengapa kamu berkata, ‘Tunjukkanlah Bapa kepada kami’?*” Yesus menginginkan kita untuk mengenali Dia dengan lebih dalam.
4. Di dalam Galatia 3-5, Paulus menjelaskan bahawa konsep Allah di dalam Perjanjian Lama tertumpu berdasarkan hukum. Konsep Allah di dalam Perjanjian Baru adalah berdasarkan kasih kurnia. Semakin umat-Nya menjadi matang, Allah menunjukkan Diri-Nya dengan lebih lagi, terutama sekali setelah Anak-Nya datang ke dalam dunia. Hukum-hukum telah disempurnakan di dalam Kristus, dan ia digantikan dengan roh hukum taurat.

5. Mazmur 96-98 dan Yesaya 42:5-12 menjelaskan hadirat Allah di dalam alam semesta.
6. Ibrani 2:10-13 menyatakan Yesus berbangga dengan kita, saudara-saudara-Nya. Dia menunjukkan Diri-Nya kepada kita sebagai Saudara Sulung (*Abang Sulung* di dalam Bahasa Melayu) yang bertanggungjawab, melindungi dan penyayang.

A.W. Tozer menulis:

*“Tuhan kita Yesus Kristus adalah Dia yang dihantar oleh Allah untuk menunjukkan misteri, keagungan, keajaiban dan kemuliaan Allah di seluruh alam. Bukan kebetulan Perjanjian Lama dan Baru untuk menyikat langit dan bumi sebagai kata bidalan ataupun simile untuk menunjukkan keajaiban dan kemuliaan Allah!”<sup>4</sup>*

Mengapakah ramai orang Kristian yang tidak dapat mengalami kebenaran (siapa Allah yang sebenarnya) dan kasih kurnia (belas kasihan yang tidak layak diterima dan tidak mampu dicapai) Allah?

Dr D.A. Seamands yang berpengalaman memberikan kaunseling Kristian selama 50 tahun, menjumpai bahawa apa yang kita *katakan* (mengekod- menukarkan data yang sedia ada kepada kod yang lain) kepada orang lain tidak semestinya apa yang *mereka dengar* (mentafsir kod). Ini bermaksud sesetengah perkataan membawa memori khusus akan hubungan-hubungan kita. Walaupun apa yang telah kita pelajari adalah penting, dia mendapati bahawa

layanan yang kita terima adalah sama penting. Kedua-dua faktor mempengaruhi cara kita mengekod mesej Allah. *Jadi, bagaimanakah kita menerima gambaran dan pandangan tentang Allah yang pincang?* Cara kita mentafsir kod perkataan dipengaruhi oleh beberapa faktor, seperti temperamen semula jadi dan kecenderungan kita untuk memilih bahan yang kita mahu dengar:


### Temperamen Semula Jadi

**T**emperamen kita menentukan apa dan bagaimana kita mentafsir kata-kata yang kita terima sebagai gelombang bunyi. Sebagai contoh, seorang yang bersifat intuitif cenderung untuk mendengar ayat secara keseluruhan dan melupakan perincian manakala mereka yang bersifat merasa memberikan tumpuan terhadap perkataan dan frasa serta amat terperinci di dalam ketepatan penyampaian. Saya mempelajari perkara ini setelah memahami diri sendiri dengan lebih baik. Suami saya adalah seorang yang bersifat merasa. Dia sering memarahi saya kerana tidak mendengar kepada perincian perkara yang dia katakan kepada saya. Saya yakin yang saya mendengar kecuali saya cenderung untuk bergegas tanpa berusaha untuk menangkap perincian yang saya dengari. Syukur kerana ia mengingatkan saya untuk menjadi rendah diri di dalam mendengar kepadanya setiap hari dan membenarkan Allah untuk melenturkan diri saya untuk melihat sudut pandangan yang lain mengenai kata-kata. Ia juga mengingatkan saya untuk berusaha dengan lebih gigih di dalam menangkap perincian kata-kata orang yang datang untuk menerima kanuseling dari saya.

### Pendengaran Terpilih

Kadang-kadang kita dengan sengaja tidak mengendahkan bunyi-bunyi di sekeliling yang tidak menyenangkan telinga kita. Ramai yang tinggal berdekatan dengan landasan kereta api akan mengongsikan bagaimana pada

awalnya bunyi bising kereta api mengganggu tidur mereka. Tetapi tidak lama kemudian mereka terbiasa dengan bunyi tersebut. Pilihan yang dilakukan oleh sistem saraf otak kita membantu untuk mengelakkan gangguan-gangguan yang tidak penting. Akan tetapi, jika ia digunakan untuk mengelakkan pembetulan daripada Allah mahupun manusia, ataupun untuk mengelak daripada situasi yang berbahaya, maka ia akan membawa musibah kepada kita.



### Mengekod dan Mentafsir Pesanan

Kata-kata dan pesanan boleh difahami oleh fikiran kita melalui proses mengekod yang dilakukan oleh si



penghantar; kemudian pesanan yang sama akan dinyahkod (tafsir) oleh si penerima. Di dalam buku ini, kita ingin memahami bagaimana mesej Allah mengenai sifat-sifat-Nya dikodkan dan bagaimana ia ditafsirkan di dalam hubungan di antara kita dengan-Nya.

### Mengekod

**A**llah Pencipta berfirman kepada umat-Nya dengan pelbagai cara. Secara tradisionalnya, cara-cara ini dikelaskan kepada pewahyuan umum dan khusus.

[Anda mungkin ingat sebuah permainan kanak-kanak di mana mereka berpegang tangan kemudian satu per satu menyampaikan pesanan rahsia daripada hujung ke hujung. Selepas itu kita lihat betapa kacau-bilau pesanan yang disampaikan pada mulanya melalui proses mengekod dan menyahkod yang ringkas. Bayangkan kesulitan yang akan timbul jika rangkaian manusia yang ada lebih panjang.]

#### a. Pewahyuan umum:




Ekspresi bagi kebesaran dan keabadian kuasa Allah ada di sekeliling kita supaya jika kita benar-benar jujur, kita akan tunduk dan menyembah Pencipta dan Perekas semua benda; dari sekecil sel hidupan sehinggalah sebesarnyanya galaksi. Dia menunjukkan sifat




-Nya kepada umat manusia, sama ada kita mengakui Dia ataupun tidak. Akan tetapi, seperti yang dikatakan oleh Paulus, kita sering memberikan alasan dengan mengakui kewujudan Dia secara rendah diri dan penuh syukur serta rasa takut bagi kuasa-Nya untuk memerintah ke atas kita. Oleh itu kita menggunakan rasional, dibantu oleh musuh-Nya, untuk menafikan kewujudan-Nya secara umum dan peribadi.

Sewaktu awal tahun 1970an, rakan-rakan saya di universiti menggunakan teori evolusi ataupun buku seperti *Brave New World* dan *Chariots of the Gods* untuk membentang bahas bagi kewujudan dan keterkaitan Allah yang ada di dalam Alkitab. Mereka gagal untuk melihat bahawa jika hidupan di luar bumi sememangnya ada, Allah tetap Pencipta bagi mereka semua. Akan tetapi, kita mesti menambah bahawa sesetengah pemerhatian yang dilakukan oleh ahli sains untuk tiba kepada teori evolusi mungkin benar kerana Allah boleh menggunakan kaedah tersebut untuk menciptakan dunia – tetapi ia akan menafikan kedudukan-Nya sebagai Pencipta, ataupun kedudukan kita sebagai ciptaan rohani, berbeza daripada semua ciptaan dan haiwan yang lain.

Sesungguhnya, Allah telah berfirman melalui ciptaan-Nya yang agung menggunakan *pewahyuan umum*.<sup>5</sup>



### b. Pewahyuan Khusus:



*“Pada masa lampau, banyak kali Allah berfirman kepada nenek moyang kita melalui nabi-nabi dengan berbagai-bagai cara. Tetapi pada zaman akhir ini Dia telah berfirman kepada kita melalui Anak-Nya. Melalui Anak-Nya inilah Allah menciptakan alam semesta. Allah sudah menetapkan bahwa Anak-Nya inilah yang berhak memiliki segala sesuatu pada akhirnya. Dia memancarkan kemuliaan Allah yang gilang-gemilang dan Dia perwujudan Allah sendiri. Dia memelihara keutuhan alam semesta ini dengan firman-Nya yang berkuasa. Setelah Dia memungkinkan manusia dibebaskan daripada dosa, Dia duduk di syurga di sebelah kanan Allah, Penguasa Yang Tertinggi.” (Ibrani 1:1-3)*

Sebagai tambahan, mereka yang percaya akan Allah yang peribadi diajar bahawa:

- Dia telah menunjukkan sifat-sifat-Nya secara khusus melalui firman-Nya yang ditulis dan dikodkan oleh para penulis Perjanjian Lama dan Baru.
- Dia telah *menunjukkan diri-Nya secara khusus* melalui jelmaan semula Yesus, Anak Yusuf dan Maria, di tempat bersejarah Betlehem.

Terdapat banyak peristiwa hari ini yang terus-menerus

menunjukkan kepada kita bahawa Yesus benar-benar wujud. Peranan kita adalah untuk mencuba menjelaskan bagaimana Allah telah mengekodkan mesej bagi sifat-sifat-Nya kepada kita di bumi.

Fikirkan mengenai beberapa sifat-sifat Allah yang telah kita pelajari di dalam firman-Nya. Anda mungkin ingin berhenti sejenak setelah membaca setiap sifat untuk mempertimbangkan kebenarannya. Sebagai contoh, tanyalah diri anda, *“Adakah saya benar-benar percaya dan merasakan bahawa Allah seperti yang digambarkan di dalam Ulangan 32:6-14?”* Bacalah secara perlahan-lahan...

Musa menunjukkan kepada kita di dalam kitab Ulangan bahawa:

- 31:10 Allah prihatin dan peduli
- 32:11 Allah seperti ibu helang yang melatih anaknya untuk berdikari dan menjadi matang
- 32:12 Allah memimpin kita
- 31:13 Allah mendorong kita
- 32:14 Allah membekalkan makanan kepada kita

Contoh-contoh lanjut bagi sifat-sifat Allah:

- † Allah adalah kasih
- † Allah itu baik
- † Allah lemah lembut
- † Allah penyabar
- † Allah pemurah
- † Allah itu damai
- † Allah setia
- † Allah kudus
- † Allah benar
- † Allah rendah hati
- † Allah dapat mengawal diri



*Tetapi bagaimanakah mesej Allah mengenai diri-Nya sampai kepada kita?*

### Mentafsir Mesej Allah Kepada Kita

**D**i dalam hikmat Allah Pencipta, Dia telah menciptakan kita di dalam keluarga agar pengetahuan akan Diri-Nya dapat diturunkan dari satu generasi kepada generasi yang seterusnya melalui kata-kata dan teladan orang tua. Seperti kesetiaan dan keperibadian-Nya kepada Adam dan Hawa, ibu bapa juga harus menunjukkan kesetiaan dan keintiman yang sama kepada satu sama lain dan juga kepada anak-anak.

Tetapi, manusia berdosa kepada Allah sekaligus terpisah daripada hadirat-Nya yang intim. Proses mentafsir kod kita ke atas pesanan Allah mengenai diri-Nya telah terjejas, pincang tanpa baik pulih di dunia. Kemudian kita menurunkan pandangan akan Allah yang telah terjejas kepada anak-anak kita dan generasi seterusnya. Malang sekali, pandangan sebenar mengenai Allah telah terjejas menjadi gambaran ciptaan yang telah jatuh seperti kita.

Sememangnya, kita telah menjadikan Allah menurut imej kita sendiri! Sebagai contoh,

*“Walaupun sebuah keluarga tidak diatih untuk mengamalkan semua amalan keagamaan secara formal, seorang anak di dalam keluarga tersebut pasti mempelajari sifat-sifat Allah seperti mana-mana pelajar sekolah Alkitab yang lain. Perkara ini benar bagi semua kanak-kanak di dalam semua keluarga,*

*termasuklah keluarga yang ketagihan alkohol di mana penderaan dan pembiaran selalu terjadi... Hasilnya menyokong kesimpulan bahawa umat Kristian yang datang dari keluarga sedemikian bergelut untuk mempercayai, membetulkan dan mengamalkan iman mereka daripada kanak-kanak yang membesar daripada keluarga yang sihat. Saya percaya bahawa pergelutan ini berakar di dalam konsep Allah yang salah... Mungkin ia adalah lebih tepat untuk mengatakan manusia mencipta Allah menurut gambaran ibu bapa mereka – terutamanya bapa duniawi mereka.”<sup>6</sup>*

Tambahan lagi,

*“Apabila seseorang dilukai oleh bapanya, kebolehan mereka untuk berhubung kait dengan Allah terjejas. Jika gambaran pertama mereka akan seorang ayah adalah seorang yang penuh dengan kesakitan, kebolehan mereka untuk melihat Allah dengan cara yang sihat menjadi retak. Tidak kira berapa besar keinginannya untuk membaca Alkitab dan mengikuti Allah, jika gambaran mereka akan Allah Bapa (seperti yang digambarkan oleh Yesus) ialah seorang pemabuk, anak tersebut akan mengalami kesulitan di dalam doa, pertumbuhan dan kekudusan.”<sup>7</sup>*

Hasilnya, mereka yang terjejas akan menjadi takut untuk memberitahu Allah mengenai pandangan dan juga perasaan sebenar mereka terhadap-Nya. Dia juga mungkin akan menyalurkan kekecewaannya kepada rakan-rakan, yang turut dipandang sebagai telah menggagalkan dia, kepada Allah yang sempurna.

Adalah penting bahawa orang Kristian Asia yang dewasa yang datang daripada keluarga Kristian mengambil masa untuk mempertimbangkan kemungkinan ini dengan serius, supaya mereka diingatkan kembali akan kebenaran dan kasih kurnia Allah yang maha baik dan maha pengasih. Dia TIDAK seperti ibu bapa kita yang tidak sempurna.

## Penyebab-Penyebab Yang Menjejaskan Proses Mentafsir Mesej Allah Bagi Kita

### **1** Sebab-Sebab Yang Tidak Dipilih

#### **a. Dosa Asal**

Kejatuhan mutlak kita adalah kesan daripada dosa asal. Ini bermaksud jangkitan maut dosa telah sampai kepada setiap bahagian di dalam personaliti manusia. Tambahan lagi, kebanyakan daripada kegagalan kita turut berasal daripada kesan-kesan dosa milik diri sendiri, maka itu harus mendorong kita untuk lebih berbelas-kasihan dan tidak menuduh kepada orang-orang yang datang mendapatkan kaunseling dari kita. Ramai daripada mereka adalah lelaki, perempuan dan kanak-kanak yang terluka. Personaliti yang terjejas akan mengakibatkan “ketidak-seimbangan di dalam personaliti seseorang.”

Dosa menjangkiti dan menjejaskan semua bahagian di dalam aspek kemanusiaan kita. Pertimbangkan seketika bagaimana kita kehilangan kemampuan

untuk berfikir dengan waras apabila terlihat iklan-iklan yang memancing kita untuk membeli barangan yang kita tidak ingin beli! Tidakkah ini perkara sama yang terjadi di dalam Taman Eden ketika manusia pertama mendengar tipu helah musuh Allah? Kelakuan sedemikian bermula di Kejadian 3. Siapakah pemilik sebenar bagi godaan?

**b. Warisan**

Seorang kanak-kanak tidak mempunyai pandangan yang neutral terhadap dunia. Meskipun dengan asuhan yang baik daripada ibu bapa, kita masih mempunyai pandangan yang pincang mengenai Allah. Kita akan berfikir bahawa Allah adalah seperti kita. Kita adalah anak-anak dewasa yang telah jatuh daripada ibu-bapa yang telah jatuh juga, dan kita akan menjadi ibu bapa yang telah jatuh kepada anak-anak kita. Kita tidak memilih orang tua kita dan kita membiak semula anak-anak kita. Kita mewarisi persamaan dari leluhur kita walaupun ekspresinya akan melompat beberapa generasi! (misalnya, seorang cucu perempuan mungkin sangat menyerupai moyangnya walaupun ibunya tidak bersifat demikian).

**c. Isu-isu Persekitaran**

Gempa bumi dan tsunami (seperti yang terjadi di Aceh, Indonesia) meninggalkan luka mental dan emosi kepada yang terselamat untuk mempercayai bahawa mungkin tidak wujud Allah yang prihatin yang mampu menjaga mereka.

**d. Kemalangan**

Mereka yang cacat kerana terlibat di dalam kemalangan jalan raya mungkin akan kehilangan keyakinan di dalam Allah untuk melindungi mereka daripada “*anak panah yang terbang di siang hari dan di gelap malam.*”

**e. Mangsa tragedi yang tidak masuk akal**

Mangsa bagi seseorang yang “mengamuk” mungkin akan hidup di dalam ketakutan dan kehilangan kawalan emosi diri serta orang lain. Mereka yang membesar di dalam rumah yang sering terjadi keganasan dan penderaan selalunya mengalami luka emosi yang serupa.

**f. Kelemahan-kelemahan**

Kelemahan-kelemahan bukan terjadi kerana dosa seseorang tetapi ia adalah kesan yang berlaku ke atas kita disebabkan dosa orang lain, ataupun disebabkan oleh faktor yang disebutkan di atas (Yesaya 53:1-7).

Semua ini selalunya muncul dalam bentuk fobia yang disebabkan oleh taboo tradisional ataupun luka di masa lampau. Mereka mempunyai kecenderungan untuk memandu seseorang berdosa di arah yang tertentu, sebagai contoh:

- Penderaan seksual zaman kanak-kanak akan membawa kepada fantasi seksual dan kebergantungan emosi.
- Seorang insan akan kehausan kuasa jika dia dipandang rendah kerana tidak memilik



kepentingan sosial untuk membalas dendam kepada mereka yang melukainya sewaktu kecil.

- Kanak-kanak yang mementingkan kesempurnaan secara keterlaluan akan menjadi terlalu kritikal terhadap orang lain dan diri sendiri. Mereka juga sering berkelakuan suka menuduh.
- Mereka yang direndah-rendahkan oleh sanak-saudara yang kaya kerana terlalu bergantung kepada orang lain akan ketagih akan wang (satu jenis penyakit mental). Ini akan membawa kepada dosa mencuri, berbohong dan hutang keliling pinggang.

Oleh itu, kita harus mengelak daripada menambah rasa bersalah yang palsu ke atas jiwa-jiwa yang lemah dengan menuduh tanpa asas. Salah satu contoh adalah untuk memberitahu seorang isteri yang masih belum menggenapkan tanggungjawab yang diajar oleh Alkitab tentang tunduk kepada suami dalam perkahwinan. Dia mungkin perlu dibantu untuk melalui proses penyembuhan akan ketakutan persetubuhan. Kadang-kadang ketakutan sedemikian adalah kesan daripada sumbang mahram zaman kanak-kanak ataupun orang tua yang sangat dominan.

Akan tetapi, kita *bertanggungjawab* ke atas cara-cara kita bertindak balas kepada faktor-faktor yang tidak dipilih di dalam hidup ketika kita melakukan kesalahan dan bukan kebaikan.

## Sebab-Sebab Yang Dipilih


Sebagai anak-anak Tuhan, kita tidak boleh menyalahkan orang lain apabila kita menyedari dinamik kelemahan-kelemahan dan dosa-dosa kita. Lagipun, kita mempunyai Roh Kudus yang hidup di dalam kita serta membolehkan kita untuk mentaati Bapa sama seperti Yesus, Anak Manusia. Walaupun kita harus mengajar **kebenaran radikal** Allah tentang hubungan-hubungan kita yang rosak, tetapi kita juga harus menawarkan **jalan keselamatan radikal** Allah melalui kasih kurnia, dan hanya kasih kurnia saja. Keseimbangan harus dikekalkan dengan mengatakan kebenaran di dalam kasih. Kita harus menyedari bahawa diri kita yang baru mampu menepis godaan. Sebagai contoh, saya memiliki fobia untuk masuk ke air yang dalam pada hal keluarga saya sangat menyukainya. Jika saya menganggap mereka tidak sensitif kepada kelemahan saya dan jika saya membantah mereka memilih untuk berenang sebagai salah satu rancangan percutian keluarga, saya telah berdosa terhadap mereka. Saya juga telah salah mentafsir kasih sayang mereka kepada saya. Oleh itu, saya harus bertaubat daripada dosa terhadap mereka dan meminta maaf dari mereka.

Ramai orang Kristian yang menderita daripada kerisauan kerana tidak mampu menahan tekanan realiti kebenaran kasih kurnia dan kekudusan Allah. Struktur gereja hari ini yang dikomersilkan dan bersifat mementingkan diri menjadikan ramai pemimpin-pemimpin dan majikan Kristian yang sukar untuk

mengamalkan kedua-dua aspek sifat Allah di rumah, di tempat kerja dan juga di dalam arena masyarakat orang Asia berbilang kaum yang unik. Ramai yang mendapati kesetiaan kepada Allah di dalam pilihan harian sebagai tidak praktikal dan mereka akan berakhir dengan melakukan perkara mengikuti cara mereka sendiri.


## Jawapan Allah Bagi Keperluan Kita

---



***KASIH KURNIA adalah tawaran Allah yang radikal! Allah Baba menjamin bahawa kita adalah milik-Nya, tetapi tidak akan membiarkan kita begitu sahaja.***

---



Kita harus ingat bahawa walaupun Allah menerima kita, Dia tidak semestinya memperkenankan sesetengah perkara yang kita lakukan. **Yesus tidak berkompromi dengan dosa tetapi Dia tidak menolak pelaku dosa yang bertaubat.**

Ada garis halus di antara kasih kurnia dan membiarkan dosa. Itulah sebabnya mengapa kita sentiasa memerlukan pimpinan Roh Kudus kerana belas kasihan tanpa kekudusan dan keadilan akan menghancurkan gereja.

Apabila Allah mengatakan bahawa Diri-Nya adalah kudus, Dia bermaksud bahawa kasih dan layanan-Nya kepada manusia adalah adil dan tidak berat sebelah.

Oleh itu, untuk menjadi sempurna seperti Bapa di Syurga bermaksud sempurna di dalam menyayangi semua orang tanpa memilih kasih. Di dalam keadaan dunia yang tidak sempurna, ia bermaksud memberikan usaha terbaik untuk menyayangi orang lain seperti diri sendiri.

Hanya kebenaran Allah akan dosa, kematian, penderitaan dan pengampunan, hidup baru di dalam Kristus; dan keinginan-Nya untuk memberikan kita kebahagiaan, pesahabatan, tubuh yang baru, satu bumi dan syurga yang baru, yang akan membantu orang-orang yang datang mendapatkan kaunseling dari kita untuk melihat harapan di dalam hidup mereka kini (Wahyu 21:5).



***Siapakah kebenaran itu?  
Yesus, Anak Allah ialah jalan, kebenaran dan hidup.  
(Yohanes 14:6).***



Oleh itu, peranan utama seorang kaunselor pastoral adalah untuk mengembara bersama orang yang datang menerima kaunseling; untuk bertemu dengan Yesus sama ada untuk kali yang pertama ataupun untuk mengenali-Nya dengan lebih jelas. Dengan itu, mereka akan mula melihat:

- Asal usul mereka
- Tujuan hidup mereka
- Arah tuju mereka, dan
- Bagaimana cara hidup yang sepatutnya diamalkan sewaktu berada di bumi

Inilah kesedaran dan kebebasan di dalam Kristus (Galatia 5:1)!

## Beberapa Contoh Pertemuan Seperti Yang Dikaitkan Oleh Kaunselor Pastoral

1. Seorang Kristian berbangsa Cina yang sangat teliti mungkin tidak dapat menerima bahawa Allah telah mengampuni dosanya kerana ibu bapanya sering berhenti menyayanginya apabila dia tidak taat sewaktu dia masih kecil. Mereka sering berkata, *“Jika kami rasa yang kau telah betul-betul menyesal, barulah kami akan memaafkan kau.”*

Kenyataan seperti ini menggambarkan bahawa dia tidak harus berdosa lagi, dan ia adalah sesuatu yang tidak mungkin, meskipun kini dia seorang yang telah dewasa. Oleh itu, tanpa disedari, dia merasakan bahawa dia tidak cukup bagus untuk menerima kasih tanpa syarat dari Allah.

Pandangan *“Tak Cukup Menyesal”* akan memberikan gambaran Allah sebagai *“Tuhan Yang Terlalu Mementingkan Kesempurnaan”*<sup>8</sup> kerana dia harus menjamin bahawa dia tidak akan berdosa lagi apabila dia telah bertaubat! Hanya mereka yang pernah hidup dengan orang yang terlalu mementingkan kesempurnaan dapat merasakan beban emosi mereka yang mengikat. Markah untuk

lulus bagi orang yang terlalu mementingkan kesempurnaan memang tidak boleh dicapai!<sup>9</sup>

2. Seorang wanita pernah berkata, *“Saya tak tahu sama ada saya akan dipeluk ataupun ditolak ... dan saya tak tahu kenapa.”* Dia mempunyai ibu bapa yang bersikap tidak konsisten dan tidak masuk akal. Satu hari dia boleh terlepas daripada kesilapan yang besar dan di hari yang lain dia boleh dihukum tanpa sebarang hal.

Sikap *“Ibu Bapan Yang Tidak Boleh Diduga/Ramal”* memberikan gambaran Allah sebagai *“Tuhan Yang Tidak Boleh Dipercayai”* kerana mereka yang berkuasa di atas dirinya memiliki deria pengadilan yang tidak boleh diharap.

3. Hock Lee, seorang pastor bagi jemaah seramai 500 orang, jatuh selepas beberapa tahun di dalam pelayanan. Dia mempunyai seorang ayah yang disfungsi (tidak memainkan peranan ketua keluarga seperti yang diharapkan. Contohnya, mengabaikan tanggungjawab terhadap anak dan keluarga). Dia menginginkan Hock Lee untuk menunaikan impiannya yang terbengkalai. Ketika Hock Lee berada di sekolah menengah, ayahnya sering tidak menghargai kecemerlangan Hock Lee di dalam mendapatkan markah A penuh. Akibatnya, walaupun dia sangat setia dan berkesan di dalam pelayanan, dia merasakan kesemua 500 orang jemaah seakan-akan berkata kepadanya *“Tak cukup bagus.. Belum cukup... tak cukup bagus!”*

Dulu suara tersebut datang hanya dari seorang,

ayahnya. Kini ia seakan-akan datang daripada 500 orang juri yang menghakimi. Pandangan *“Tak Cukup Bagus Untuk Ibu Bapa Saya”* memberikan gambaran Allah sebagai *“Tuhan Yang Tak Pernah Puas”*. Perkara ini mempengaruhi hubungannya dengan keluarga dan ahli gereja yang lain. Akhirnya, dia jatuh di bawah ikatan tujuan idealistik yang tidak mampu dicapai.

4. Seorang doktor wanita yang berasal dari Singapura tidak mampu menikmati percutiannya. Dia merasa bersalah untuk menjadi terlalu gembira. Dia mempunyai seorang abang yang pernah memberitahunya untuk tidak mengambil cuti sebelum tugasannya sebagai seorang pelajar diselesaikan. Oleh kerana pekerjaannya tidak boleh disiapkan melainkan dia jatuh sakit ataupun meninggal dunia, dia merasa dia tidak layak untuk berehat ataupun beriadah dengan sihat dan ceria.

Pandangan *“Kamu Tak Layak Untuk Bergembira”* memberi gambaran Allah sebagai *“Tuhan Yang Sadis”*.

5. Di dalam kehidupan berumah-tangga, teologi seksual sebagai pemberian Allah yang salah akan menimbulkan masalah. Ada yang percaya bahawa Allah tidak mahu mereka menerima pemberian penyatuan ini dengan hati yang bersyukur, meskipun di dalam perkahwinan. Ini selalunya disebabkan oleh firasat rasa bersalah palsu/benar yang diterapkan ketika zaman kanak-kanak. Ia menyebabkan konflik emosi dan mental dalaman mengenai sifat seksual, misalnya sumbang mahram ataupun penderaan

seksual secara lisan.<sup>10</sup>

Pandangan “*Saya Bersalah Jika Saya Menikmati Seksualiti Saya Dengan Pasangan Saya*” memberi gambaran Allah sebagai “*Tuhan Yang Bingung*”. Dia memberikan pemberian yang baik tetapi menjangkakan kita untuk tidak menikmatinya. Adalah sangat sukar untuk mempercayai seseorang yang bingung.

### **Nota:**

Di dalam memberikan kaunseling kepada seseorang, adalah sangat membantu bagi anda untuk membina koleksi kes-kes sejarah anda sendiri untuk membantu di dalam membezakan masalah yang muncul di kalangan para penerima kaunseling anda. Mereka mungkin timbul sebagai corak yang berulang-ulang di dalam manusia. Corak-corak ini akan berfungsi sebagai panduan untuk diagnosis bagi penerima kaunseling yang akan datang.



***Berhenti sejenak untuk merenungkan apa yang telah anda baca.***

***Sekiranya anda perlu membaca semula bahagian-bahagian tertentu dalam buku ini, silalah berbuat demikian.***

***Ingatlah untuk mendengar kepada Penasihat Agung kita.***



## Contoh-Contoh Tambahan Bagi Gambaran Pincang Tentang Allah Untuk Membantu Anda Dalam Sesi Kaunseling

Anda boleh melakarkan gambaran anda sendiri di dalam buku nota:

### 1. **“Allah yang Terlalu Berkira”**

- Dia merekodkan semua tindakan & perbuatan kita.
- Dia adalah Juru Audit & Ketua Polis Syurga.



Untuk memperbaharui fikiran kita:  
Baca buku Roma.

Pengadilan di hadapan Takhta Allah adalah untuk ganjaran, bukan untuk keselamatan. Memang benar, kita telah gagal... ia adalah muktamad! TETAPI Kristus telah menguruskannya bagi kita. Yesus telah dijadikan tebusan bagi syarat dan segala dosa yang kita telah lakukan. Oleh itu, Dia telah membebaskan kita daripada hukuman Allah Bapa yang adil ke atas dosa. Buku hutang hidup kita kini berjumlah sifar untuk hukuman bagi dosa dan kredit yang tinggi berkenaan dengan berkat Allah kerana Yesus mengongskan Bapa-Nya kepada kita untuk selama-lamanya!

### 2. **“Allah yang Menangkap”**

- Dia mengepungi kita sehingga kita tidak ada jalan keluar. Dia Tuhan yang jahat.



Untuk memperbaharui fikiran kita:  
Baca Mazmur 23.

Dia adalah Allah yang penyabar, prihatin, lembut dan boleh dipercayai.

### 3. **“Allah yang Bagus dan Menyenangkan”** **– Tak Layak Dihormati**

Dia digambarkan sebagai Tuhan yang sudah lanjut usia dan sentiasa tersenyum kepada kita kerana dia melihat anak-anak-Nya melalui penciptaan, iaitu semuanya sama di hadapan Dia. Akan tetapi, kebenarannya adalah kita BUKAN semua anak-anak Allah melalui penyelamatan. Tuhan sedemikian lemah secara moral dan tidak prihatin kerana Dia sebenarnya berkata, *“Saya tak peduli apa yang anak-anak saya lakukan... asalkan mereka gembira!”* Tuhan sedemikian amat berbahaya dalam jangka masa yang panjang kerana anak-anak yang dibesarkan sedemikian adalah lebih teruk daripada mereka yang didera.



Untuk memperbaharui fikiran kita:  
Baca Ibrani 12.

Yesus datang untuk menunjukkan kita betapa Allah mengasihi Dia dan kita. Ini adalah kerana kasih Bapa kepada Anak-Nya, sebagai seorang manusia, oleh itu kita, anak-anak angkat-Nya melalui Kristus harus didisiplinkan, dibentuk dan dididik dengan kebenaran dan kasih kurnia kepada kesempurnaan. Dia lebih menyerupai seorang tukang tembikar yang

membentuk tanah liat dan bukan seperti Santa Klaus yang memberikan hadiah kepada semua orang tanpa berkira.

#### 4. *“Allah yang Jauh - Tak ada Masa Untukku”*

Anak/orang dewasa yang terluka akan menjadi seperti anak seorang ahli perniagaan ataupun pastor yang kerap bekerja. Mereka melihat Allah sebagai Bapa yang bekerja di pejabat menghitung kad kredit ataupun menyiapkan pembentangan untuk memberitahu orang lain betapa Allah menyayangi mereka... sehinggalah mereka tidak mempunyai masa untuk bermain bersama anak-anak.

Anak-anak merindukan pelukan dan ciuman orang tua tanpa mengira betapa sibuknya mereka. Satu gambaran yang membolehkan saya untuk merasakan betapa Allah menyayangi saya adalah apabila saya berasa penat di dalam berhadapan dengan konflik perhubungan, saya duduk di atas pangkuan ibu sambil dia berbual dengan saya, ataupun hanya berdiam berehat di dalam pelukannya. Saya berasa gembira dan selamat bahawa Allah menerima dan memahami saya walaupun ketika Dia membetulkan saya, tanpa saya perlu berdoa dengan kata-kata yang panjang.



Untuk memperbaharui fikiran kita:

Baca Yesaya 40:11, 46:3-4, Yohanes 14:1-4 dan Ibrani 13:5-6

Gembala Yang Baik itu akan sentiasa berserta kita, dan tidak akan membiarkan kita di dalam kesusahan.

5. **“Allah Firaun” – Pemberi Tugas yang Keterlaluan**

Dia seperti terus mengingatkan kita setiap masa: “Kerja kalau tak mau dihukum!” Dia adalah tuhan yang tidak susah untuk disenangkan. Dia sentiasa mempunyai perkara negatif yang mau diperkatakan.



Untuk memperbaharui fikiran kita:  
Baca Filipi 4:8, Yesaya 43:1-4 dan 54:7-15

Pandangan Allah terhadap saya lebih penting daripada pandangan orang lain.

6. **“Allah yang Berseronok”**

Tuhan yang mengajar bahawa keseronokan adalah lebih penting daripada kebendaan syurgawi. Dia digemari oleh mereka yang terlalu bergantung kepada perasaan gembira untuk menempuh hari-hari mereka.



Untuk memperbaharui fikiran kita:  
Yohanes 13 dan 17, 1 Korintus 13

7. **“Allah yang Tidak Berguna, Tidak Relevan, Nyanyuk”**

Allah yang tidak diperlukan dan boleh ditinggalkan sendirian asalkan dia tidak mengganggu saya. Contohnya seperti yang ditunjukkan oleh sebahagian daripada gaya hidup ahli gereja selepas kebaktian hari minggu.



Untuk memperbaharui fikiran kita:  
Roma 1:18-23

### 8. “Allah di Dalam Kotak”

Tuhan yang mengikuti peraturan dan tradisi dengan ketat. Dia dijauhi oleh mereka yang lebih menyukai gaya hidup yang santai ataupun bertindak balas kepada figura yang berkuasa. Dia disukai oleh mereka yang harus berjalan di garisan yang lurus untuk merasa selamat.



Untuk memperbaharui fikiran kita:

Baca petikan mengenai penjelasan Yesus tentang orang-orang Farisi di zaman-Nya, Lukas 11:37-46.



- Anda mungkin ingin menambah senarai di atas berdasarkan hasil kajian anda mengenai orang yang anda kenali.
  - Kemudian sertakan penemuan anda tersebut dengan petikan Alkitab untuk pembaharuan fikiran di dalam Kristus.
- Kongsi dan berdoalah dengan mereka yang turut membaca buku ini bersama anda.

## Refleksi

Renungkan, bincangkan dan doakan bersama dan untuk satu sama lain

1. Apa yang terlintas di fikiran anda sewaktu anda membaca perbincangan di atas? Apakah perasaan anda terhadap Allah? Tuliskan buah fikiran anda (contohnya, anda boleh melakar gambaran ataupun luahkan diri anda di dalam bentuk sajak). Jika anda tidak pasti, anda boleh meminta Dia untuk menunjukkan anda fikiran dan perasaan anda terhadap-Nya. Tuhan pasti lebih daripada senang untuk melakukannya.
  
2. Tulis sepucuk surat untuk Allah yang benar, luahkan respon anda kepada gambaran Allah yang telah anda temui di atas (misalnya, jika anda melihat-Nya sebagai seorang yang ganas, tanyakan Dia mengapa; jika anda melihat Dia sebagai seorang yang pemurah, bersyukurlah). Nantikan jawapan-Nya sambil merenungkan Yesaya 43:1-7, Mazmur 139 ataupun Yohanes 13-17.

3. Jika gambaran yang anda dapati adalah pincang, bincangkan ia dengan mereka yang anda percayai mengenai perjalanan penderitaan anda. Sukacitanya menunggu anda.

### **INGATLAH:**

Allah tidak memintas kanta-kanta tidak sempurna yang kita gunakan untuk melihat Dia. Dia mengetahui keadaan kita dan menantikan kita untuk memperbaharui fikiran kita, dan Dia akan menyempurnakan kita seperti Yesus.

Fikiran yang diperbaharui dicapai melalui Firman Allah berkenaan diri-Nya dan juga jalan-Nya di dalam Alkitab. TUHAN Allah adalah Tuhan yang amat penyayang, memahami dan penyabar kepada kita. Dia mengetahui bahawa biasanya kita tidak marah kepada-Nya, tetapi kepada konsep kita yang salah akan Dia. Ketika anda membenarkan Roh Kudus untuk memimpin anda di dalam refleksi ini, anda akan mendapati bahawa anda adalah anak Allah (Roma 8:14).

## Rujukan

- 1 A.W. Tozer, *Renewed Day by Day: Daily Devotional Readings*, Vol. 1 (Christian Publications, 1980) June 20 & 21
- 2 Os Guinness, *God in the Dark: The Assurance of Faith Beyond a Shadow of Doubt* (Crossway Books, 1997)
- 3 A.W. Tozer, *Renewed Day by Day: Daily Devotional Readings*, Vol. 1 (Christian Publications, 1980) Mar 4
- 4 *Ibid* March 6
- 5 Francis S. Collins, *The Language of God: A Scientist Presents Evidence for Belief* (Free Press, A Division of Simon and Schuster, Inc., 2006)
- 6 Sandra D. Wilson, *Counseling Adult Children of Alcoholics (Resources for Children Counselling)* Vol. 21, General Editor, Gary Collins (Word Publishing, 1989)
- 7 *Ibid* mukasurat 93-94, William De Artega, dikutip oleh Sara Hines Martin.
- 8 William and Kristi Gaultiere, *Mistaken Identity*, (Revell Company, 1989)
- 9 D.A. Seamands, *Healing Grace* [tajuk baru: *Freedom from the Performance Trap*] (Victor Books, 1985)
- 10 Lee Bee Teik, *Memahami Seksualiti Manusia* (Wawasan Penabur, 2012) mukasurat 38-45.